



PEJABAT BURSAR
BURSAR'S OFFICE



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 00794



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO. : ISMS 00150

Rujukan Kami : UPM.BEN.100-1/6/3/B8(12)

Tarikh : 06 Disember 2022

PEKELILING BURSAR BIL. 5 TAHUN 2022

PENYEDIAAN PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN (PPT)
TAHUN 2023
BELANJA MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

1.0 TUJUAN

Tujuan pekeliling ini bertujuan memohon semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Serdang dan Bintulu untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) yang menggunakan peruntukan **Belanja Mengurus dan Pembangunan** untuk tahun **2023** bagi perolehan pembelian terus, sebut harga dan tender.

2.0 LATAR BELAKANG

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP) iaitu PP/PK1.1 - Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan – Agensi adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) selaras dengan prinsip amalan tadbir urus yang baik dan dapat membantu Agensi melaksanakan perolehan dengan terancang dan teratur.

3.0 OBJEKTIF PENYEDIAAN PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN (PPT)

Objektif penyediaan PPT adalah untuk:

- 3.1 Meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan;
- 3.2 Memastikan perolehan Kerajaan dirancang dengan teliti dan sistematis;
- 3.3 Mekanisme untuk memantau perolehan yang dilaksanakan bagi mengelakkan kelewatan, penyelewengan, salah guna kuasa dan perolehan di luar aturan;
- 3.4 Memastikan perolehan adalah mengikut perancangan dan teratur selaras dengan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan;
- 3.5 Memastikan perbelanjaan berhemah dapat dicapai dan mengelakkan amalan berbelanja pada saat-saat akhir; dan
- 3.6 Mengoptimumkan prestasi perbelanjaan tahunan UPM.

4.0 PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN UNIVERSITI

- 4.1 Semua PTJ dimohon merancang perolehan tahunan bagi perolehan yang akan dilaksanakan pada tahun berikutnya. PPT yang disediakan adalah untuk membantu UPM melaksanakan perolehan dengan lebih terancang dan teratur serta mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun serta mengelakkan perbelanjaan melebihi peruntukan.
- 4.2 Penyediaan (PPT) diinput dalam **sistem e-Tender** yang boleh dilayari dilaman web Pejabat Bursar (www.etender.upm.edu.my) dan pihak PTJ perlu menginput PPT tersebut ke dalam sistem selewat-lewatnya pada **25 Disember 2022**. Adalah dimaklumkan Pejabat Bursar perlu mengemukakan PPT ini kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia sebelum atau pada **15 Januari 2023** bagi tujuan semakan dan rekod.

5.0 PENUTUP

- 5.1 Ketua PTJ adalah bertanggungjawab untuk menyediakan PPT bagi peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi PTJ masing-masing untuk tahun 2023 selaras dengan amalan prinsip tadbir urus yang baik.
- 5.2 PPT ini juga perlu di lampirkan oleh semua PTJ semasa menghantar permohonan pendaftaran sebut harga atau tender bagi memastikan semua perolehan di buat berdasarkan perancangan yang telah di kemukakan.
- 5.3 Sila hubungi Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan, Pejabat Bursar di talian 03-9769 6230 dan 6239 jika terdapat sebarang pertanyaan. PTJ boleh membuat pindaan ke atas PPT yang telah dikemukakan jika perlu. Sebarang pindaan perlu dikemukakan secara bertulis dan diinput dalam sistem e-Tender. Ketua PTJ hendaklah memastikan semua aktiviti perolehan yang dirancang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



IZARIAHWATI BINTI MOHD ISA
Bursar
Universiti Putra Malaysia

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU/PORT DICKSON

